



09 Mar 2015

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Article type : News Item

Audience : 228,802 • Page: 10 • Printed Size: 480.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia

ASR: MYR 9,574 • Words: 754 • Item ID: 381111106

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



iSENTIA
INFLUENCE • INFORM • INSIGHT

Page 1 of 2

Pengiktirafan peneraju industri global



ANUGERAH Kepimpinan Global 2015 yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 5 Mac lalu menyaksikan kejayaan tokoh-tokoh korporat dan syarikat-syarikat tempatan mengungguli 34 daripada 46 kategori yang dipertandingkan.

Pengiktirafan yang diterima itu sememangnya amat bermakna kerana pencalonan bagi setiap kategori melibatkan penyertaan ahli-ahli perniagaan dan syarikat dari seluruh dunia.

Pemilihan pemenang ditentukan melalui proses tapisan dan penilaian yang teliti oleh panel empat hakim berpengalaman yang terdiri daripada Setiausaha Agung Persatuan Pembangunan Kepemimpinan Amerika (ALDA), Arthur F. Carmazzi; Setiausaha Agung Persekutuan Kerjasama Dewan Perniagaan dan Industri Negara-negara Teluk (FGCCC), Abdulrahim Hasan Naqi, Pengerusi Global Entrepreneurship Thailand, Steve Cheah serta Pengasas MSR Leadership Consultants India, Prof. M. S. Rao.

Penganjuran acara itu adalah bagi mengiktiraf peneraju-peneraju industri yang memberi sumbangan besar terhadap pembangunan ekonomi dan kepemimpinan global.

Anugerah anjuran bersama majalah 'The Leaders International' serta ALDA itu turut mengiktiraf semua tokoh korporat serta syarikat yang menyumbang kepada usaha membina negara dan pada masa sama, merencanakan pertumbuhan ekonomi global.

Tiga penerima bagi kategori Pencapaian Sepanjang Hayat merupakan nama-nama besar yang tidak asing lagi dalam dunia korporat tempatan. Mereka ialah Pengerusi Eksekutif Nadicorp Holdings Sdn. Bhd., Tan Sri Dr. Mohd. Nazmi Mohd. Salleh; Pengarah Eksekutif

Kumpulan DRB-Hicom Bhd., Tan Sri Mohd. Khamil Jamil serta Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Tan Sri Dr. Mohd. Shukor Mahfar.

Penerima anugerah Ikon Perniagaan Global iaitu Presiden dan

Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman serta penerima anugerah Transformasi Perniagaan Global Terbaik: Pengarah Urusan Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB), Datuk Badlisham Ghazali juga tidak kurang hebatnya.

Kumpulan Utusan pula mencatatkan kejayaan baharu dalam lembaran sejarah syarikat apabila dipilih sebagai penerima anugerah bagi kategori Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Tokoh dan syarikat baharu turut menempa nama sebagai penerima anugerah. Pengarah Eksekutif Intelligence PC Centre Sdn. Bhd., Sheikh Nafiq Alifirdaus merangkuh anugerah Usahawan Baharu Terbaik.

Selain itu, pengeluar ubat gigi Mu'min, Al-Meswak Mu'min Sdn. Bhd. meraih dua anugerah iaitu Jenama Baharu Terbaik dan Syarikat Terbaik Sektor Barangan Penggunaan.

Selain nama-nama yang disebutkan itu, penerima-penerima anugerah yang lain termasuk MSM Malaysia Holdings Bhd., Konsortium Nasional Bhd., Brainy Bunch International Montessori, KPJ Healthcare Bhd. dan Glomac Bhd. merupakan pemain-pemain industri yang penting dalam dunia korporat di negara ini.

Tidak ketinggalan, penyanyi tempatan, Ning Baizura yang diumumkan sebagai Tokoh Industri Hiburan Terbaik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika menyampaikan prakata dalam buku program Anugerah Kepemimpinan Global 2015 mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima anugerah sambil berharap, kejayaan mereka akan dijadikan inspirasi oleh pemain-pemain industri yang lain.

tri yang lain.

"Para penerima anugerah tentu sedar bahawa mereka berada pada tahap lebih tinggi daripada yang lain dan seterusnya, menjadikan mereka sebagai ikon komuniti perniagaan global.

"Anugerah ini juga adalah testimoni terhadap kecekalan dalam menjalankan perniagaan, amalan terbaik dan nilai-nilai murni yang mereka amalkan," katanya.

Najib berpandangan, para peneraju industri juga telah membuktikan bahawa mereka berjaya mengharungi segala kesulitan termasuk kemelesetan ekonomi global dan perubahan sosial yang pantas.

"Semangat kental dalam mengatasi segala kesulitan ini telah melahirkan banyak pemimpin baharu serta perniagaan yang kreatif," jelasnya.

Pandangan serupa turut dinyatakan oleh Penaung Diraja Anugerah Kepemimpinan Global 2015, Tengku Panglima Diraja Selangor, Tengku Sulaiman Shah Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Menurut beliau, semua pemenang anugerah telah membuktikan keupayaan mereka dalam menghadapi detik-detik yang sukar termasuk mengemudikan perniagaan masing-masing untuk keluar dari situasi yang getir dan seterusnya kembali menjana keuntungan.

"Dengan berbekalkan kecekalan yang tinggi dan kepintaran perniagaan yang luar biasa, mereka telah membuktikan tiada perkara yang mustahil untuk dilakukan," katanya dalam kata-kata aluan buku program Anugerah Kepemimpinan Global 2015.

Tengku Sulaiman Shah berharap, kejayaan yang dilakar oleh semua pemenang anugerah tidak terhenti pada tahap sedia ada sahaja.

"Sambil meraikan kejayaan ini, marilah kita memberi isyarat bahawa kita akan terus memaksimumkan keupayaan organisasi kita sama ada dari segi kewangan, teknikal dan sumber manusia untuk mencorakkan dunia dalam konteks global yang baharu," katanya.



09 Mar 2015
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Article type : News Item
Audience : 228,802 • Page: 10 • Printed Size: 480.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia
ASR: MYR 9,574 • Words: 754 • Item ID: 381111106



iSENTIA
INFLUENCE • INFORM • INSIGHT

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



ANUGERAH Kepimpinan Global 2015 yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 5 Mac lalu menyaksikan kejayaan tokoh-tokoh korporat dan syarikat-syarikat tempatan mengungguli 34 daripada 46 kategori yang dipertandingkan. - UTUSAN/IRWAN MAJID